

## **LITERASI KEWANGAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI KUIM**

**Nurul Liyana Hussin<sup>1</sup> & Liyana Syazwina Rosli<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Pensyarah Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka.

<sup>2</sup>Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Kolej Universiti Islam Melaka.

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengkaji faktor yang mempengaruhi literasi kewangan di kalangan pelajar. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti s a m a d a pendidikan kewangan, sikap terhadap wang dan juga pengaruh ibubapa memberi pengaruh terhadap literasi kewangan dalam kalangan pelajar. Responden merupakan pelajar yang dipilih secara rawak iaitu seramai 201 orang responden. Analisis data dibuat dengan menggunakan IBM *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23.0 yang merangkumi data deskriptif, skor min, dan analisis regresi yang digunakan untuk mengetahui faktor mana yang lebih mempengaruhi pembolehubah bersandar. Hasil dari kajian ini membuktikan setiap pembolehubah tidak bersandar mempunyai hubungan dan mempengaruhi literasi kewangan pelajar. Dalam kajian ini juga menunjukkan pendidikan kewangan merupakan pembolehubah yang paling mempengaruhi literasi kewangan. Justeru, para pelajar juga dicadangkan untuk lebih melibatkan diri di dalam program- program kewangan samada di dalam atau luar kolej. Pelbagai program kewangan telah diwujudkan bagi memberi kesedaran kepada semua pihak mengenai kepentingan literasi kewangan serta menghindarkan diri daripada mendapat masalah- masalah kewangan.

**Kata kunci:** *literasi kewangan, sikap terhadap wang, pengaruh ibubapa, pendidikan kewangan*

## FINANCIAL LITERACY AMONG STUDENTS AT KUIM

### ABSTRACT

This study aims to examine the factors that affect financial literacy among students. The main objective of this study is to identify whether financial education, attitude towards money and the influence of parents influence the literacy among students. Respondents were randomly selected which consist 201 respondents. The data analysis was done using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 23.0 which includes descriptive data, mean score, and regression analysis to determine which factors were more influenced to dependent variables. The results of this study prove that each independent variable have relationships and influence the students' financial literacy. In this study also shows that financial education is the most influential variable in financial literacy. Hence, students are also encouraged to engage more in financial programs either inside or outside the college. Various financial programs have been created to raise awareness among the parties about the importance of financial literacy and to avoid financial problems.

**Keywords:** *financial literacy, attitude toward money, influence of parents, financial education*

### PENGENALAN

Menurut Vitt, Kent, Lyter, Siegenthaler & Ward (2000), literasi kewangan bermaksud kebolehan dalam memahami keadaan kewangan mereka yang mempengaruhi kedudukan kewangan individu tertentu dengan cara menganalisis, menguruskan serta menggunakan konsep kewangan yang ada. Salah satu faktor utama untuk mencapai literasi kewangan adalah dengan pendidikan kewangan. Hal ini kerana, daripada pendidikan kewangan, individu boleh mempelajari cara untuk menguruskan kewangan peribadi dengan betul. Huston (2010) menyatakan bahawa masalah kewangan yang dihadapi oleh individu boleh diselesaikan dengan meningkatkan tahap literasi kewangan dengan cara mengadakan program-program pendidikan kewangan. Setiap individu perlu mempunyai pengetahuan kewangan agar mereka dapat membuat keputusan kewangan yang bijak terutamanya dalam keadaan ekonomi pada hari ini.

Kajian yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menyatakan bahawa majoriti penduduk Malaysia tidak mengamalkan pelan belanjawan yang betul (Suhaimi, 2013). Oleh itu, ianya sangat penting untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang literasi kewangan. Bank Negara Malaysia (BNM) juga menyatakan bahawa terdapat kajian-kajian telah dilakukan di Malaysia telah menyimpulkan bahawa tahap literasi sejajar dengan tahap pendidikan (Suhaimi, 2013). Menurutnyanya juga, untuk meningkatkan tahap literasi kewangan, BNM memutuskan untuk membina program keupayaan kewangan (*Financial Capability Program*) sepanjang peringkat umur. Sebagai contoh, pendidikan kewangan di sekolah-sekolah dan program-program keupayaan kewangan disediakan pada semua peringkat hidup. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) juga memainkan peranan mereka dengan cara menawarkan perkhidmatannya untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan literasi kewangan dengan cara menjalankan program pendidikan kewangan seperti seminar dan juga kaunseling kewangan.

Tahap literasi kewangan yang rendah akan menyebabkan pengurusan kewangan yang tidak baik kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan dalam pengurusan kewangan peribadi (Selvanathan, Krisnan & Wen, 2016). Salah satu faktor dimana individu tidak dapat membuat keputusan kewangan dengan baik adalah kerana mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah (Othman, Abdul Rahim & Sabri, 2015). Individu yang mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah akan lebih terdedah dengan masalah kewangan. Oleh sebab itu, individu yang gagal menguruskan kewangan mereka kerana tidak mempunyai pengetahuan akan menyebabkan mereka lebih cenderung untuk mempunyai masalah kewangan diisytiharkan muflis (Othman et al., 2015).

Dalam konteks kajian ini, pelajar merupakan golongan yang rendah dalam literasi kewangan. Pelajar seharusnya didedahkan dengan ilmu pengurusan kewangan. Hal ini kerana, majoriti individu yang diisytiharkan bankrap adalah terdiri daripada golongan muda. Merujuk kepada statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (2017), seramai 134,550 individu telah diisytiharkan muflis sepanjang tahun 2007 sehingga Jun 2013. Jumlah kes kebangkrutan ini telah meningkat kepada 300,958 kes pada tahun 2017. Jika dilihat kepada punca muflis di antara tahun 2007 hingga 2013, punca kebangkrutan adalah disebabkan oleh hutang sewa beli kenderaan iaitu sebanyak 30,452 kes, diikuti pinjaman perumahan 20,529 kes, pinjaman peribadi sebanyak 18,053 kes dan pinjaman perniagaan sebanyak 14,431 kes (Aisyah & Wajeeha, 2016). Melalui statistik yang telah diberikan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia, 25.4% daripada mereka adalah berumur 34 tahun dan ke bawah. 34.4% berada dalam umur 35 sehingga 44 tahun dan selebihnya adalah berumur 45 dan ke atas. Jelas disini bahawa majoriti individu yang diisytiharkan bankrap adalah di kalangan belia.

Masalah seperti ini timbul kerana mereka gagal menguruskan kewangan peribadi selain tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai literasi kewangan. Dahlia et al., (2009) menyatakan bahawa ramai pelajar tidak mengetahui cara menguruskan kewangan dengan betul. Hal ini kerana, sekiranya mereka mempunyai wang, pelajar tersebut akan membelanjakan wangnya bertujuan untuk membeli kemahuan mereka kerana kurangnya kefahaman mengenai literasi kewangan di kalangan mereka. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor manakah yang mempengaruhi literasi kewangan samada pendidikan kewangan, sikap terhadap wang atau pengaruh ibu bapa.

## **KAJIAN LITERATUR**

Menurut Servon & Kaestner (2008), literasi kewangan didefinisikan sebagai keupayaan seseorang untuk memahami serta menggunakan konsep kewangan. Selain itu, definisi secara terperinci mengenai literasi kewangan telah diberikan oleh Organization for Economic Cooperation and Development (OECD), (2005) iaitu keupayaan individu dalam meningkatkan pemahaman serta pengetahuan mereka mengenai konsep dan produk kewangan yang terdapat di dalam pasaran bagi membentuk kesedaran individu dalam risiko kewangan dan membentuk kemahiran mereka dalam membuat keputusan yang bijak dalam kewangan peribadi.

Literasi kewangan telah dibahagikan kepada tiga dimensi iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan pengalaman kewangan dimana kesemua dimensi ini saling berkait antara satu sama lain (Moore, 2003). Selain itu, Moore (2003) juga telah menyatakan bahawa tahap literasi kewangan seseorang individu boleh dijangka apabila mereka menggunakan pengetahuan kewangan yang dimiliki, mempunyai pengalaman kewangan yang tinggi serta menunjukkan sikap kewangan yang positif. Hal ini kerana apabila seseorang individu mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang tinggi dalam kewangan, maka urusan kewangan mereka juga akan lebih cekap dan sistematik. Dalam kajian oleh Chen dan Volpe (1998), literasi kewangan dibahagikan kepada pengetahuan umum, simpanan dan pinjaman, insurans dan pelaburan.

Jika seseorang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi, hal ini bermaksud individu tersebut mampu untuk menguruskan perbelanjaannya. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Azizah et al., (2013) menyatakan bahawa tahap pengetahuan kewangan individu mempengaruhi pelan kewangan individu seperti rancangan perbelanjaan dan bajet. Kajian yang telah dijalankan oleh Dahlia et al., (2009) telah menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa di universiti awam tidak merancang perbelanjaan mereka dengan baik kerana mereka masih dibiayai oleh ibubapa walaupun terdapat sumber kewangan lain seperti pinjaman pelajaran serta biasiswa. Oleh itu, individu yang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi lebih cenderung untuk merancang bajet serta merekodkan perbelanjaan mereka agar tidak berbelanja melebihi pendapatan yang mereka peroleh.

## **Pendidikan Kewangan**

Kajian oleh Wachira & Kihui (2012) mendapati bahawa tahap pendidikan kewangan mempunyai hubungan yang positif dengan literasi kewangan. Hal ini boleh dibuktikan lagi berdasarkan hasil kajian yang telah diperoleh oleh Mohamed & Abd. Razak (2012) iaitu kajian berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap impak Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi yang

dilakukan di Politeknik Port Dickson dimana mereka mendapati bahawa kursus yang tersebut telah memberi impak dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kewangan para pelajar. Hal ini kerana, dapatan kajian membuktikan 90% pelajar telah bersetuju bahawa mereka lebih berhati-hati dalam berbelanja selepas mengikuti kursus tersebut.

Hogarth (2002) menyatakan bahawa dengan adanya pendidikan kewangan yang berkualiti, orang ramai dijangka akan mempunyai kefahaman dan literasi kewangan yang lebih baik. Justeru itu, mereka lebih cenderung dalam membuat keputusan yang bijak dan mempunyai pengurusan kewangan yang lebih efektif. Hasil kajian yang telah dilakukan oleh Noraihan et al., (2013) iaitu kajian berkaitan dengan kecekapan pengurusan kewangan di kalangan pelajar di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan para pelajar tersebut adalah rendah. Hal ini kerana, para pelajar tersebut tidak mempunyai kecekapan dalam pengurusan kewangan dimana mereka telah berbelanja melebihi sumber kewangan yang mereka peroleh serta mereka berbelanja mengikut kemahuan bukan keperluan.

Terdapat juga beberapa kajian yang telah membuktikan bahawa tahap literasi kewangan yang rendah disebabkan oleh tidak mempunyai pendidikan dalam kewangan. Menurut Lusardi (2008), terdapat negara yang memberi tumpuan untuk meningkatkan literasi kewangan orang ramai dengan cara pendedahan tentang kewangan sejak di sekolah melalui program pendidikan kewangan. Hal ini kerana, jika terlalu ramai rakyat yang mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah, ia akan menjejaskan ekonomi negara secara tidak langsung.

### **Sikap Terhadap Wang**


Wang merupakan satu konsep yang bersifat multidimensi dan telah dikaji berdasarkan kepelbagaian sosio ekonomi dan budaya (Taneja, 2012). Menurut Fazli, Hayhoe dan Goh (2006), wang dapat disimbolkan sebagai satu kepercayaan, sikap, etika dan status sosial. Selain itu, pengkaji menyatakan bahawa sikap terhadap wang juga adalah berbeza berdasarkan jantina terutama dari sikap obsesi dan kuasa terhadap wang dimana ia akan menyebabkan perbezaan dalam persepsi dan penilaian wang untuk setiap individu.

Isomidinova et al., (2017) menyatakan bahawa sikap pelajar terhadap wang mampu membentuk literasi kewangan mereka. Wang telah dikenalpasti sebagai alat motivasi yang kuat dimana sikap terhadap wang boleh membentuk pengetahuan kewangan individu (Albeurdy & Gharleghi, 2015). Hal ini kerana, individu akan cuba meningkatkan lagi pengetahuan kewangan kerana melihat wang sebagai alat motivasi yang mampu memberikan mereka pangkat dan kejayaan (Sohn, Joo, Grable, Lee & Kim, 2012). Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Sohn, Joo, Grable, Lee & Kim (2012) hasil kajian menunjukkan bahawa sikap terhadap wang mempengaruhi literasi kewangan dan hasil kajian ini adalah selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Hong (2016). Hong menyatakan bahawa sikap terhadap wang yang positif telah mempengaruhi gelagat perbelanjaan belia di Korea Selatan.

### **Pengaruh Ibubapa**

Sosialisasi adalah proses dimana individu belajar untuk bertindak dan berinteraksi dalam masyarakat mereka. Menurut Danes (1994), sosialisasi kewangan adalah proses memperoleh dan membangun nilai-nilai, sikap, piawaian, norma, pengetahuan, dan tingkah laku yang menyumbang kepada kesejahteraan kewangan individu. Sesetengah kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak belajar tentang kewangan daripada ibubapa melalui arahan, penyertaan, nasihat dan melalui pemerhatian kanak-kanak terhadap ibubapanya (Clarke, 2005). Ibu bapa telah didapati mempengaruhi sosialisasi kewangan anak-anak mereka (Alhabeeb, 1999).

Ibu bapa mengajar kanak-kanak untuk bertindak dengan bergantung kepada nilai, kepercayaan dan pengetahuan mereka (Clarke et al., 2005), yang membentuk sikap anak-anak mereka terhadap kewangan mereka serta tingkah laku mereka. Pritchard dan Myers (1992) mendapati bahawa nilai kewangan para remaja dan ibu bapa mereka sangat serupa. Hal ini bermaksud, tingkahlaku kewangan anak-anak mencerminkan tingkahlaku ibubapa mereka. Jika ibubapa mempunyai pengurusan kewangan yang baik, maka anak mereka akan mencontohi mereka.



Rajah 1: Kerangka Kajian

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini juga menggunakan kaedah kuantitatif. Pengkaji memilih pendekatan kuantitatif kerana menggunakan analisis statistik. Kajian kuantitatif ini mengkaji hubungan yang wujud di antara faktor yang mempengaruhi literasi kewangan di kalangan pelajar. Instrumen borang selidik digunakan untuk mendapat data seperti yang dikehendaki yang mana memfokuskan pelajar di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan iaitu seramai 420 dan dipilih secara rawak.

Satu bentuk pra-kajian telah dilakukan terhadap sebilangan responden iaitu seramai 30 orang yang terdiri daripada pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) yang dipilih secara rawak. Kajian rintis ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui bahawa soal selidik yang akan diedarkan ini relevan ataupun tidak dan mengenalpasti kelemahan instrument kajian. Borang kaji selidik tersebut merangkumi 8 soalan demografi dan 27 soalan berbentuk skala *likert*. Fungsi kajian rintis ini adalah untuk menyemak kejelasan, item-item, arahan dan susun atur soal selidik dan menentukan kesahihan soal selidik tersebut. Dapatan kajian rintis menunjukkan tahap kebolehpercayaan adalah sebanyak 0.724 iaitu kebolehpercayaan yang sangat baik. Menurut George & Mallery (2001) bagi sesuatu instrument, paras pekali *Cronbach's Alpha* mestilah sekurang-kurangnya 0.7.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisa deskriptif yang dilakukan purata min bagi pembolehubah tidak bersandar bagi pendidikan kewangan menunjukkan bahawa min paling tinggi adalah 4.10 iaitu kebanyakan responden mengambil kos yang berkaitan dengan pengurusan kewangan semasa di sekolah. Maka, ini menunjukkan bahawa pendidikan merupakan faktor yang penting dalam meningkatkan literasi kewangan pelajar. Melalui analisis min sikap terhadap wang menunjukkan bahawa min paling tinggi adalah 4.09 iaitu responden menghargai wang kerana ianya sukar untuk diperoleh manakala yang paling rendah ialah 2.46 iaitu wang merupakan perkara yang paling penting dalam dunia. Melalui analisis min pengaruh ibubapa menunjukkan bahawa min paling tinggi adalah 4.34 iaitu ibubapa responden sering memberi nasihat berkaitan kewangan seperti simpanan, hutang dan perbelanjaan manakala skor min paling rendah ialah 2.60 iaitu responden bergantung kepada ibubapa dalam memperoleh informasi berkaitan kewangan.

Jadual 1: Analisa Regrasi

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	1.980	.308		6.423	.000
Pendidikan Kewangan	.421	.057	.462	7.373	.000
Sikap Terhadap Wang	-.154	.056	-.175	-2.732	.007
Pengaruh Ibubapa	.163	.058	.182	2.821	.005

Berdasarkan Jadual 1, hasil dapatan kajian menerusi analisa regresi menunjukkan bahawa pendidikan kewangan merupakan faktor yang paling mempengaruhi literasi kewangan di kalangan pelajar Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan iaitu dengan nilai signifikan sebanyak 0.000 berbanding faktor sikap terhadap wang dan pengaruh ibubapa dimana masing-masing bernilai 0.007 dan 0.005. Dengan ini boleh disimpulkan bahawa faktor pendidikan kewangan lebih signifikan berbanding dengan faktor sikap terhadap wang dan faktor pengaruh ibubapa.

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian yang telah diperoleh, penyelidik dapat mengenalpasti bahawa faktor pendidikan kewangan mempengaruhi literasi kewangan di kalangan pelajar. Kajian oleh Wachira & Kihiu (2012) mendapati bahawa tahap pendidikan kewangan mempengaruhi serta mempunyai hubungan yang positif dengan literasi kewangan. Hasil kajian oleh Wachira & Kihiu menunjukkan keputusan yang sama dengan kajian ini iaitu pendidikan kewangan mempengaruhi literasi kewangan pelajar. Ini disokong lagi oleh Lusardi (2008) yang mana terdapat negara yang memberi tumpuan untuk meningkatkan literasi kewangan orang ramai dengan cara pendedahan tentang kewangan sejak b a n g k u sekolah melalui program pendidikan kewangan. Pendidikan kewangan sejak di bangku sekolah sangat penting supaya kelak mereka dapat menguruskan perbelanjaan dengan lebih baik dan mencapai tahap literasi kewangan yang baik.

Hogarth (2002) menyatakan bahawa dengan adanya pendidikan kewangan yang berkualiti, orang ramai dijangka akan mempunyai kefahaman dan literasi kewangan yang lebih baik. Justeru itu, mereka lebih cenderung dalam membuat keputusan yang bijak dan mempunyai pengurusan kewangan yang lebih efektif.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, beberapa perkara boleh dicadangkan kepada pihak kerajaan yang ingin meningkatkan tahap literasi kewangan terutama di kalangan belia. Antara cadangan yang boleh dibincangkan dalam kajian ni adalah mengadakan program pendidikan dengan lebih agresif seperti bengkel, seminar, ceramah berkaitan dengan kewangan dan pengurusan kewangan peribadi untuk meningkatkan lagi pengetahuan kewangan mereka disamping mendedahkan kepada mereka produk-produk kewangan yang ada. Selain itu, mengadakan program yang menggalakkan para pelajar untuk menabung juga sangat penting. Para pelajar juga dicadangkan untuk lebih melibatkan diri di dalam program-program kewangan samada di dalam atau luar kolej. Pada masa kini, pelbagai program kewangan telah diwujudkan bagi memberi kesedaran kepada semua pihak mengenai kepentingan literasi kewangan serta menghindarkan diri daripada mendapat masalah-masalah kewangan.

## RUJUKAN

- Abdul Basit, H., Tamat, S. & Norlida Hanim, M.S. (2014). Hutang dan Golongan Muda di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Prosiding PERKEM ke-9*: 833- 844.
- Aisyah, A. R., & Wajeeha, Z. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2), 85-94.
- Albeerdy, M. I., & Gharlegghi, B. (2015). Determinants of the Financial Literacy among College Students in Malaysia. *International Journal of Business Administration*, 6(3), 15–24.
- Alhabeeb, M. J. (1999). Allowances and the economic socialization of children. *Association for Financial Counseling and Planning Education*, 10(2), 1 – 9.
- Allen, M. W., Edwards, R., Hayhoe, C. R., & Leach, L. (2007). Imagined interaction, attitudes towards money and credit, and family coalitions. *Journal of Family and Economic Issues*, 28, 3 – 22.
- Amoah, R. A. (2016). Assessing the Level and Impact of Financial Literacy on African Americans.
- Arikunto. 2006. *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek*. Jakarta: PT. Rineka Cipta.
- Chen, H. and Volpe, R. (1998). An Analysis of Financial Literacy among College Student *Financial Service Review* 5(2): 225-32.
- Clarke, M. C. (2005). The Acquisition of Family Financial Roles and Responsibilities. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 33(4), 321–340.
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2nd ed.). Hillsdale, NJ: Lawrence Earlbaum Associates.
- Dahlia I, Rabitah H, Zuraidah M. I. (2009). A study on financial literacy of Malaysian degree students. *Cross-Cult.Commun.*, 5(4): 51-59.
- Danes, S. M. (1994). Parental perceptions of children's financial socialization. *Financial Counseling and Planning*: 127 – 146.
- Edwards, R., Allen, M. W., & Hayhoe, C. R. (2007). Financial attitudes and family communication about students' finances: The role of sex differences. *Communication Reports*, 20(2), 90–100.
- Hogarth, J. M., & Hilgert, M. A. (2002). Financial Knowledge, Experience, and Learning Preferences: Preliminary Results from a New Survey on Financial Literacy. *Proceedings of the American Council on Consumer Interests 2002 Annual Conference*, 48,1–7.
- Hong, H., Kubik, J. D., and Stein, J. C. (2004). "Social interaction and stock-market participation", *The Journal of Finance*, Vol. 59 No. 1 : 137-163.
- Huston, S. (2010). Measuring financial literacy. *Journal of Consumer Affairs*, 44(2), 296–316.
- Isomidinova, G., Singh, J., & Singh, K. (2017). Determinants of financial literacy: a quantitative study among young students in Tashkent, Uzbekistan. *Electronic Journal of Business & Management*, 61–75.

- Jabatan Insolvensi Malaysia. (2017). Bankruptcy Statistics December 2017. Retrieved <http://www.mdi.gov.my/images/document/statistics/Bankruptcy/DISEMBER/202017.pdf>
- JumpStart Coalition for Personal Financial Literacy. (2008). 2008 Survey of Financial Literacy among College Students. Retrieved from <http://www.jumpstart.org/fileindex.cfm>.
- Krejcie, R., & Morgan, D. (1970), Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610
- Lusardi, A. (2008). Household saving behavior: the role financial literacy, information and financial education programs. *NBER Working Paper Series*.
- Mahdzan, N. S., & Tabiani, S. (2013). The Impact of Financial Literacy on Individual Saving: An Exploratory Study in The Malaysian. *Transformations in Business & Economics*, 12(1 (28)): 41–55.
- Margaretha, F., & Pambudhi, R. A. (2015). Tingkat Literasi Keuangan Pada Mahasiswa S-1 Fakultas Ekonomi. *Jurnal Manajemen Dan Kewirausahaan*, 17(1), 76–85.
- Moore, Danna (2003), “Survey of Financial Literacy in Washington State: Knowledge, Behavior, Attitudes, and Experiences,” Technical Report n. 03-39, Social and Economic Sciences Research Center, Washington State University.
- Mustapha, M. B., & Jeyaram, S. A. (2015). Financial Literacy and Demographic Factors. *Journal of Technology Management and Business*, (February).
- Noctor, M., Stoney, S., & Stradling, R. (1992). Financial Literacy. A report prepared for the National Westminster Bank, London.
- Noor Azizah Shaari, Nurfadhilah Abu Hasan, Ramesh Kumar Moona Haji Mohamed, Mior Ahmad JafriMdSabri. 2013. Financial Literacy: A Study Among The University Students. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 5(2), 279-299.
- Noraihan Mamat Zambri, Hasmida Mohamad Hassan & Syaiful Baharee Jaafar. 2013. Hubungan antara Amalan Pengurusan Kewangan Pelajar dan Kursus PA305: Pengurusan Kewangan Peribadi - Satu kajian kes di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Technical and Education Colloquium (TEC) PTSB*: 25-31.
- Nor Syahidah Norazam, & Norasmah Othman. (2017). Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 183–193.
- Nuraini Abdullah, & Mohamad Fazli Sabri. (2016). Faktor Peramal Pengurusan Hutang di kalangan Pekerja Muda. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 2(2), 1–19.
- Nurul Alya Adillah, M., Mohammad Fazli, S., Ahmad Hariza, H., Husniyah, A. R., & Mohd Amin, O. (2013). Perkaitan antara Literasi Kewangan dengan Kompetensi Kewangan di kalangan Kanak-kanak.
- Othman, M. A., Abdul Rahim, H., & Sabri, M. F. (2015). Differences in Financial Information. *Proceedings of the Australasian Conference on Business and Social Sciences 2015*, 525–531.
- Pritchard, M. E., & Myers, B. K. (1992). Consumer education: A partnership between schools and families. *Journal of Consumer Education*, 10, 38 – 43.



- Selvanathan, M., Krisnan, U. D., & Wen, W. C. (2016). Factors Effecting Towards Personal Bankruptcy among Residents: Case Study in Klang Valley, Malaysia. *International Journal of Human Resource Studies*, 6(3)
- Servon, Lisa J., and Robert Kaestner. 2008. Consumer Financial Literacy and the Impact of Online Banking on the Financial Behavior of Lower-Income Bank Customers. *Journal of Consumer Affairs*, 42 (Summer): 271–305.
- Sim, O.F. & Shuang, T.Y. (2004). Money attitude, saving behavior and consumption patterns among young urban consumers in Malaysia: An ethnic and gender comparison. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics (MACFEA)*. 7:16-28
- Sohn, S. H., Joo, S. H., Grable, J. E., Lee, S., & Kim, M. (2012). Adolescents' financial literacy: The role of financial socialization agents, financial experiences, and money attitudes in shaping financial literacy among South Korean youth. *Journal of Adolescence*, 35(4), 969–980.
- Suhaimi Ali. (2013). Financial Literacy In Malaysia: Issues and Status Update. Retrieve from [http://www.kwsp.gov.my/portal/documents/10180/5509861/01\\_Financial\\_Literacy\\_in\\_Malaysia\\_Issues\\_and\\_Status\\_Update.pdf](http://www.kwsp.gov.my/portal/documents/10180/5509861/01_Financial_Literacy_in_Malaysia_Issues_and_Status_Update.pdf)
- Vitt, L. a., Kent, J., Lyter, D. M., Siegenthaler, J. K., & Ward, J. (2000). Personal Finance and the Rush To Competence: Financial Literacy Education in the U.S *Personal Finance*, 1–234
- Wachira, M., & Kihiu, E. (2012). Impact of financial literacy on access to financial services in Kenya. *International Journal of Business and Social* 3(19), 42–50.